

‘URUSTADBIR DINAMIK KEARAH KESEJAHTERAAN NEGARA’

Dalam keadaan dunia yang terus dipengaruhi oleh arus globalisasi, teknologi canggih, sumber alam yang begitu terhad, ekspektasi pelanggan yang kian meningkat, rakyat yang semakin berilmu, daya saing daripada negara-negara serantau dan antarabangsa, pentadbiran awam tidak dapat lari dari menerima cabaran-cabaran dan tanggapan perkhidmatan yang kurang berkesan.

Cabaran-cabaran ini memerlukan kita untuk menggorak langkah kehadapan dan mencari jalan yang lebih dinamik agar Perkhidmatan Awam tidak jauh ketinggalan dan turut memainkan peranan penting kearah pembangunan negara sebagaimana yang diharapkan. Berdasarkan kepada suasana dan kesedaran inilah maka sekali lagi konsep **‘Urustadbir Yang Dinamik Kearah Kesejahteraan Negara’** dipilih sebagai tema dalam menyambut Hari Perkhidmatan Awam kali ke-21, tahun 2014.

Tema ini menitikberatkan betapa pentingnya Perkhidmatan Awam untuk mengamalkan urustadbir yang bersifat dinamik dimana sentiasa bersedia dan bersiap siaga dalam mengambil langkah yang proaktif, dapat disesuaikan terhadap pengubalan dasar-dasar, proses-proses dalam pentadbiran dan perubahan mengikut arus pergolakan dunia dalam isu serantau, antarabangsa dan global.

Pengertian *‘Governance’* atau Urustadbir dapat diertikan sebagai hubungan antara Kerajaan dan rakyat yang membolehkan dasar-dasar dan program-program dapat dilaksanakan dan dinilai. Dalam konteks yang lebih luas lagi, ia merujuk kepada peraturan, institusi dan rangkaian yang menentukan bagaimana sebuah negara atau organisasi berfungsi. Tadbir Urus menjadi dinamik apabila pilihan-pilihan dasar sebelumnya boleh disesuaikan dengan perkembangan semasa dalam persekitaran yang tidak menentu dan cepat berubah, agar dasar-dasar yang telah dilaksanakan itu kekal relevan dan berkesan dalam mencapai hasil jangka panjang yang dikehendaki masyarakat.

Pengarah Bank Dunia bagi Global Governance, David Kaufmann menjelaskan bahawa negara-negara yang memperbaiki keberkesanan urustadbir akan meningkatkan taraf kehidupan, manakala urustadbir yang lemah akan menjadi halangan bagi pertumbuhan dan pembangunan yang saksama.

Ke arah itu, perlunya Perkhidmatan Awam mempunyai keupayaan dinamik iaitu aspek-aspek *‘entrepreneurial thinking’* dan *sentiasa mencari jalan terbaik dalam menangani cabaran-cabaran dan dalam melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan*. Bagi merealisasikan

perkhidmatan awam yang dinamik adalah amat penting untuk menerapkan budaya, keupayaan dan menangani perubahan dengan menggunakan keupayaan dinamik ini termasuk cara kita berfikir dan berusaha, sentiasa membuat perancangan lebih ke hadapan, perlu melihat kembali mana-mana perkara atau peraturan misalnya untuk dibuat pembaharuan dan sentiasa melihat atau mengambil contoh-contoh terbaik disekeliling atau dari orang lain untuk diikuti dan diubahsuai berasaskan kepada kehendak dan cita rasa negara, Melayu Islam Beraja.

Berfikiran ke hadapan akan dapat memberikan penekanan bahawa Kerajaan perlu melihat lebih jauh ke hadapan untuk memahami bagaimana masa depan akan memberikan kesan kepada negara dan menggubal dasar-dasar bagi membolehkan tenaga kerja atau orang awam menghadapi ancaman dan mengambil kesempatan daripada peluang-peluang baru yang ada. Faktor – faktor luaran seperti pergolakan dunia dan perubahan bermungkinan menjadikan dasar dasar yang lepas lapuk ditelan zaman dan tidak sesuai. Justeru itu, adalah perlunya untuk melihat kembali keatas dasar-dasar dan program yang sedia ada bagi menilai sama ada ia masih relevan didalam agenda negara dan dalam jangkamasa yang panjang bagi rakyat. Dasar dan program berkemungkinan perlu untuk digubal untuk disesuaikan mengikut keadaan semasa. Bagi memastikan ekonomi sentiasa berdaya tahan, Kerajaan perlulah sentiasa menitikberatkan pembelajaran berterusan dan inovasi untuk menghadapi cabaran dan mengexploitasikan peluang-peluang baru. Kearah itu, perkhidmatan awam juga boleh belajar atau mengambil pengejaran atau mendapatkan ide-ide serta amalan terbaik yang dapat disesuaikan dan diserapkan dalam Perkhidmatan Awam di Negara Brunei Darussalam, berdasarkan kepada ideologi negara, Melayu Islam Beraja.

Asas bagi Tadbir Urus yang dinamik dalam perkhidmatan awam adalah terletak daripada budaya institusi iaitu daripada sumber tenaga manusia dan proses yang efisien. Antara aspek-aspek yang perlu ada dalam merealisasikan urustadbir yang dinamik dalam perkhidmatan awam memerlukan semangat dan pelaksanaan yang segera, cekap dan efisien dalam mencapai objektif yang telah ditentukan; Mempunyai inovasi dan buah fikiran yang baru dalam menangani isu-isu; dan yang paling penting juga ialah dapat menyesuaikan diri secara berterusan dan bertindak balas kepada perubahan-perubahan persekitaran dengan cepat.

Dalam perspektif Islam, urustadbir dinamik telah digambarkan oleh Rasulullah Shallallahu alaihi wasallam. Dengan bersumberkan wahyu ilahi, baginda berjaya membangun negara Islam Madinah dan membentuk masyarakatnya menjadi model negara dan masyarakat yang dinamik. Terbukti dalam sejarah, urus tadbir baginda yang dinamik membawa kesejahteraan kepada

masyarakat dan negara kerana keadilan ditegakkan, kebajikan dipenuhi, keamanan dinikmati dan kemajuan dikecapi.

Al-Quran sebagai panduan lengkap hidup manusia ada menyebutkan ciri-ciri dinamik ini sebagaimana berikut;

1. **Bertenaga dan cergas / bersegera mengerjakan kebaikan**

- Firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Mu'minun ayat 61

إِنَّ الَّذِينَ هُمْ مِنْ خَشْيَةِ رَبِّهِمْ مُشْفِقُونَ ﴿٥٧﴾ وَالَّذِينَ هُمْ بِآيَاتِ رَبِّهِمْ
يُؤْمِنُونَ ﴿٥٨﴾ وَالَّذِينَ هُمْ بِرَبِّهِمْ لَا يُشْرِكُونَ ﴿٥٩﴾ وَالَّذِينَ يُؤْتُونَ مَا آتَوْا
وَقُلُوبُهُمْ وَجِلَةٌ أَنَّهُمْ إِلَىٰ رَبِّهِمْ رَاجِعُونَ ﴿٦٠﴾ أُولَٰئِكَ يُسْرِعُونَ فِي الْحَسَنَاتِ وَهُمْ
لَهَا سَاقِقُونَ ﴿٦١﴾

Tafsirnya:

Sesungguhnya orang-orang yang sentiasa berhati-hati kerana takut kepada Tuhan mereka(57). Dan orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat keterangan Tuhan mereka (al-Qur'an)(58). Dan orang-orang yang tidak mempersekutukan Tuhan mereka (dengan sesuatu yang lain)(59). Dan orang-orang yang memberikan apa yang telah mereka berikan (seperti zakat, sedekah dan amalan-amalan salih yang mereka kerjakan) sedang hati mereka takut (kalau-kalau amalan mereka itu tidak diterima kerana mereka tahu) bahawa mereka akan kembali kepada Tuhan mereka(60). Mereka (yang bersifat demikian) itulah yang sentiasa bersegera dalam mengerjakan kebaikan-kebaikan dan merekalah orang-orang yang lebih dahulu memperolehinya(61).

- Firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 148

وَلِكُلِّ وِجْهَةٌ هُوَ مُوَلِّيٰهَا فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ أَيْنَ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمْ اللَّهُ

جَمِيعًا إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٤٨﴾

Tafsirnya:

Dan bagi tiap-tiap umat itu ada kiblat di hadapannya, maka berlumba-lumbalah kamu untuk mengerjakan kebaikan. Di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan menghimpunkan kamu semua (pada hari Kiamat untuk menerima balasan). Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu.

2. Berprinsipkan amar ma'ruf dan nahi mungkar

- Firman Allah Ta'ala dalam Surah Ali 'Imran ayat 104

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

﴿١٠٤﴾ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾

Tafsirnya:

Dan hendaklah ada antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan (kebaikan) dan menyuruh (berbuat) yang ma'ruf serta melarang daripada yang mungkar. Dan mereka itulah orang yang mendapat kemenangan.

3. Berteraskan ilmu dan pengkhususan

- Firman Allah Ta'ala dalam Surah Az-Zumar ayat 9

أَمَّنْ هُوَ قَلْبُتُ إِانَاءُ اللَّيْلِ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَحْذَرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُو رَحْمَةَ رَبِّهِ

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو

الْأَلْبَابِ ﴿١٠١﴾

Tafsirnya:

“Adakah orang yang taat mengerjakan ibadat pada waktu malam dalam keadaan bersujud dan berdiri, takutkan (azab) hari Akhirat serta mengharapkan rahmat Tuhannya (sama dengan orang yang menyekutukan Allah)?” Katakanlah:” Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?” Sesungguhnya orang-orang yang mengambil pengajaran hanyalah orang-orang yang mempunyai akal (yang dapat memikir dan memahaminya).

4. Berunsurkan kekuatan rohani dan jasmani

- Firman Allah Ta’ala dalam Surah Al-Qashash ayat 26;

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَجِرْتَهُ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ

﴿١١﴾

T

afsirnya:

Seorang daripada mereka berkata: “Wahai bapaku! Ambillah dia sebagai pekerja, sesungguhnya sebaik-baik orang yang bapa ambil bekerja ialah orang yang ku at lagi amanah.”

5. Berorientasikan syura

- Firman Allah Ta’ala dalam Surah Ali ‘Imran ayat 159:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ ۚ وَوَكُنْتَ فَظًا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَأَنْقَضُوا بِكَ
 حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ
 عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ ﴿١٥٦﴾

Tafsirnya:

Maka dengan sebab rahmat daripada Allah, engkau (wahai Nabi Muhammad) telah berlemah lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikut-pengikutmu). Dan kalaulah engkau bersikap kasar serta keras hati (terhadap mereka), tentulah mereka menjauhkan diri daripada sekelilingmu. Oleh itu, maafkanlah mereka dan pohonkanlah keampunan bagi mereka dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan permasalahan keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (untuk berbuat sesuatu sesudah bermesyuarat) maka bertawakallah kepada Allah (melaksanakannya). Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal.

Dengan menerapkan ciri-ciri urustadbir yang dinamik ini ke dalam perkhidmatan awam, secara tidak langsung, mewujudkan pembelajaran dan inovasi dalam urustadbir bagi memudahkan tadbir urus dan perubahan di dalam dunia. Sudah setentunya, memerlukan perkhidmatan Awam untuk lebih kompeten dan beseiap siaga bagi masa depan yang tidak pasti (*future uncertainties*) mengenai dengan kesan yang mungkin terjadi keatas tindakan-tindakan atau peraturan serta dasar yang telah dilaksanakan. Prestasi semasa (*current performance*) serta maklum balas daripada pihak yang berkepentingan adalah perlu untuk dinilai semula bagi tujuan penambahbaikan daripada yang sedia ada untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan. Dan dalam pada itu juga, adalah perlu untuk kita mempelajari daripada amalan terbaik (*best practices*) sebagai sukat-sukat didalam memberikan perkhidmatan yang teratur, berkualiti dan berkesan.

‘Urustadbir Dinamik Kearah Kesejahteraan Negara’ juga sudah setentunya memberikan kesedaran kepada kita sebagai warga perkhidmatan awam untuk membantu menangani sebarang kemungkinan dan bersedia menerima sebarang kemungkinan yang kurang selesa

Dengan adanya penghayatan tersebut, InsyAllah, ianya akan dapat dijadikan iktibar serta panduan dalam merencana perancangan perkhidmatan awam di masa yang akan datang khususnya kearah membantu mencapai Wawasan Brunei 2035.